

**KAJIAN EKSPERIMEN MEMPERKASAKAN EKONOMI KOMUNITI RUKUN  
TETANGGA DI DAERAH SOOK, KENINGAU, SABAH**

**Untuk  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**

**DISEDIAKAN OLEH:  
PUAN HAJAH AINON BINTI HJ KUNTOM  
RIGER CONSULTANCY SDN BHD**

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

### **KAJIAN EKSPERIMEN MEMPERKASAKAN EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA DI DAERAH SOOK, KENINGAU, SABAH**

Oleh:

*Puan Hajah Ainon binti Hj Kuntom  
Riger Consultancy Sdn Bhd*

#### **1. TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk membangun dan memperkasakan ekonomi komuniti Rukun Tetangga (RT) di Daerah Sook, Keningau, Sabah melalui pendekatan latihan dan bimbingan secara mentor-mentee.

#### **2. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Rukun Tetangga (RT) digalakkan menjalankan projek ekonomi (e-komuniti) untuk menjana pendapatan, pekerjaan dan meningkatkan kemahiran penduduk setempat sebagai suatu pendekatan mengeratkan perpaduan dalam masyarakat. Pendekatan 'Satu RT Satu Produk' secara langsung mampu menjana pendapatan keluarga yang mana sekali gus dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat yang daif dan terpinggir di kawasan- kawasan bandar dan pinggir bandar.

Justeru itu, memperkasakan ekonomi Rukun Tetangga dilihat dapat mencapai hasrat dan strategi untuk mensejahterakan masyarakat pada Teras 2 dalam RMK 11. Oleh itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) perlu menjalankan projek memperkasakan ekonomi RT sebagai kajian eksperimen bagi memastikan kejayaan projek ekonomi sebelum ianya diperluas ke kawasan RT yang lain. Melalui kajian eksperimen, faktor-faktor penghalang dan faktor-faktor kejayaan sesuatu projek ekonomi dapat dikenalpasti. Di samping itu, latihan dan bimbingan yang berterusan secara mentor-mentee dapat membantu mencari jalan penyelesaian terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi penduduk dalam mengusahakan projek ekonomi di kawasan mereka.

### **3. SKOP KAJIAN**

Kajian eksperimen yang dijalankan ini meliputi beberapa skop bagi memastikan ianya merangkumi keseluruhan kepentingan projek ekonomi kepada masyarakat pinggir bandar seperti berikut :

- a) Kawasan RT yang dikenal pasti
- b) Jenis projek ekonomi yang sesuai dengan kawasan dan penduduk
- c) Komitmen dan penglibatan penduduk
- d) Penubuhan syarikat di bawah RT

### **4. METODOLOGI KAJIAN**

#### **4.1 Taklimat Projek E-Komuniti Daerah Sook kepada Pegawai JPNIN Sabah**

- Taklimat mengenai tujuan dan konsep projek
- Diadakan pada 9 Disember 2014, 8.00 malam di Hotel Juta, Keningau
- Dihadiri Pengarah dan Pegawai Perpaduan Daerah Keningau dan Sook termasuk Pegawai IKLIN dan WP Labuan.
- Cadangan KRT yang berpotensi dijadikan projek perintis

#### **4.2 Taklimat dan Perbincangan E-Komuniti Daerah Sook bersama Pejabat Daerah Kecil Sook, Sabah**

- Taklimat mengenai tujuan dan konsep projek
- Diadakan pada 10 Disember 2014, di Pejabat Daerah Kecil Sook, Sabah
- Dihadiri Penolong Pegawai Daerah Kecil Sook
- Dicapangkan Kg Sinwa, Kg Kahaba Dalit, Kg Luanti dan Kg Kiranaan Baru yang sesuai untuk membantu masyarakat di situ untuk membangunkan ekonomi desa dan pelancongan

#### **4.3 Perbincangan Projek Perintis**

- Diadakan pada 9 Mac 2015 di Hotel Juta, Keningau, Sabah
- Memuktamadkan kawasan yang hendak dijadikan projek perintis iaitu Kg Pinipin, Kg. Sinua, Kg Kawakaan dan Kg Karanaan Baru

#### 4.4 Tinjauan ke Tapak Projek Perintis E-Komuniti

- Diadakan pada 9 Mac 2015

##### **KRT Kampung Karanaan Baru (*Projek Tanaman Kontan-Cili Putih*)**

Merupakan desa pertanian dan juga mempunyai kolam air tawar yang dinamakan Kolam Perpaduan. Ianya berpotensi untuk dimajukan dan tanah digazetkan di bawah penggunaan komuniti.

##### **KRT Kampung Kebuan (*Projek Ternakan Ikan Air Tawar*)**

Di kawasan ini mempunyai kolam menternak ikan air tawar yang dimiliki oleh JKKK. Oleh kerana JKKK mempunyai jawatankuasa tersendiri, maka KRT akan menjalankan projek ternakan ikan menggunakan tong dan canvas iaitu cara baru yang digunakan masa kini.

##### **KRT Kampung Malima (*Projek Tanaman Kontan-Cili Padi*)**

Tapak projek adalah hakmilik persendirian Ketua Kg. Malima merangkap Pengerusi KRT. Persetujuan secara bertulis dari tuan tanah telah dibuat sebelum projek dimulakan.

##### **KRT Kampung Pinipin (*Projek "Shifting Agriculture"*)**

Projek ekonomi tidak dapat dijalankan kerana tanah bukan hakmilik penduduk sebaliknya Syarikat Trans Borneo.

##### **Kampung Kawakaan (*Projek Kraftangan*)**

Tiada KRT di kawasan ini dan penduduk tidak berminat untuk menubuhkannya. Oleh itu, projek tidak dapat diteruskan.

##### **KRT Kampung Sinwa (*Projek Eco Pelancongan*)**

Kawasan ini mempunyai potensi yang luarbiasa untuk projek eco pelancongan tetapi kawasan tersebut bertindih dengan projek yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan dan Perhilitan Negeri Sabah. Oleh yang demikian, projek ekonomi KRT tidak dapat diteruskan.

##### **KRT Kampung Kahaba Dalit (*Projek Pertanian*)**

Dikelilingi ladang kelapa sawit yang dikelolakan oleh Syarikat Sabah Development Authority (SLDB). Terdiri daripada Kg Kahaba dan Kg Dalit. Agak sukar menjalankan projek di sini kerana jalan raya tidak berturap.

Oleh yang demikian, Kg Karanaan Baru, Kg Kebuan dan Kg Malima diputuskan sebagai projek perintis.

#### **4.5 Taklimat dan Perjumpaan Bersama Penduduk/Ahli Projek E-Komuniti**

- Diadakan pada 28 April dan 8-9 Ogos 2015
- Ketiga-tiga kampung yang dipilih telah hadir

#### **4.6 Mengadakan Kursus/Latihan untuk Menjalankan Projek E-Komuniti**

- Diadakan pada 4 hingga 6 September 2015
- Disasarkan kepada ahli KRT/projek
- Penubuhan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Projek di peringkat KRT

#### **4.7 Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Projek Daerah Sook**

- Terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan 6 orang ahli
- JK bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk menyelesaikan isu-isu yang timbul sepanjang projek dilaksanakan
- JK perlu mendapatkan khidmat pakar dalam bidang projek dan mengawasi projek-projek dengan penuh tertib mengikut piawaian dan standard yang ditetapkan

#### **4.8 Pengauditan ke atas rekod kewangan KRT**

- Modal dan keuntungan disimpan dalam tabungan khas di bawah akaun amnaah projek ekonomi KRT
- Melantik juruaudit yang tiada kepentingan dalam projek ekonomi KRT

## 5. PENDEKATAN MENTOR-MENTEE

Kajian eksperimen ini memberi tumpuan khusus kepada latihan dan bimbingan berterusan sepanjang kajian ini melalui pendekatan mentor-mentee. Pendekatan ini digunakan memandangkan penduduk RT yang terlibat dalam dari kawasan luar bandar dan pinggir bandar serta kurang berpendidikan. Antara pendekatan mentor-mentee yang digunakan adalah:

- a) Membina pasukan kerja yang boleh berdikari, tolong menolong, dan bantu membantu di antara satu sama lain;
- b) Mengenalpasti projek ekonomi yang berpotensi dan berdaya maju;
- c) Memberi latihan amali iaitu bimbingan secara mentor-mentee kepada penduduk yang terlibat secara intensif;
- d) Membantu menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan yang berkaitan bagi kemajuan dan kejayaan projek;
- e) Memberikan bimbingan cara-cara mengatasi masalah pelaksanaan projek ekonomi;
- f) Memantau dan memastikan pelaksanaan projek; dan
- g) Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan projek ekonomi.

## 6. DAPATAN KAJIAN

### 6.1 KRT Kampung Karanaan Baru (*Projek Tanaman Kontan-Cili Putih*)

- Tapak projek merupakan *secondary forest* yang telah ditebang dan dibersihkan untuk menanam tanaman kontan cili putih
- Tanaman dituai dalam tempoh 3 bulan dan dapat dipasarkan semasa Tahun Baru Cina tahun 2016
- Projek dimulakan pada November 2015
- Musim kemarau bermula dan mengakibatkan daun pokok cili mulai kereting serta kering walaupun disiram air pada waktu pagi dan petang
- Walaubagaimanapun pokok cili masih hidup tetapi tidak berbuah dengan lebat dan cantik. Hasil dapat dituai.

## **6.2 KRT Kampung Kebuan (*Projek Ternakan Ikan Air Tawar*)**

- KRT menjalankan projek ternakan ikan menggunakan tong dan canvas iaitu cara baru yang digunakan masa kini.
- Anak-anak ikan dibela dalam 3 buah *trough* sebelum dipindahkan ke kolam. Namun begitu, kesemuanya mati kerana *trough* tidak dicuci dengan mengeluarkan getahnya terlebih dahulu dengan batang pisang yang sepatutnya direndam selama 2 hingga 3 minggu. Proses terpaksa dimulakan semula.
- Musim kemarau bermula selama 3 bulan (Januari – April) dan air di kolam mulai kering. Ikan tidak dapat dipindahkan ke kolam sehingga Mei.

## **6.3 KRT Kampung Malima (*Projek Tanaman Kontan-Cili Padi*)**

- Tanaman bermula dengan baik tetapi apabila musim kemarau melanda selama 3 bulan, sesetengah dari pokok cili tidak tumbuh dengan subur dan daunnya kuning dan kereting. Bagi pokok cili yang subur, hasil dapat dituai dengan julan sebanyak RM 150.00.
- KRT juga menanam anak-anak pokok cili untuk dijual termasuk daun lada yang boleh dijadikan sayur sebagai dana tambahan. Selain itu, 1000 batang pokok keladi turut ditanam.
- Pasukan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan lawatan dan mencadangkan mewujudkan 2 kolam air sedalam 5 kaki untuk menampung siraman tanaman pada musim kemarau akan datang.
- Kg Malima akan dijadikan pusat kemajuan tanaman kontan di Daerah Sook dengan bantuan latihan dari pihak UPM.

## **7. KESIMPULAN**

- Setiap kampung akan diberikan RM2000 pada Oktober 2015 sebagai modal permulaan untuk membeli benih pokok, baja, anak ikan, makanan ikan dan tong ikan.
- Projek ekonomi RT boleh bertapak dengan mengambilkira faktor persekitaran seperti cuaca, dan jenis tanah.
- Perlu mengambilkira psikologi ahli projek, adat resam penduduk dan tahap pembelajaran serta tahap kesihatan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam projek pertanian dan perternakan.
- Projek ini telah mendedahkan bagaimana penduduk KRT boleh menukar cara hidup mereka kepada lebih baik dan sempurna dengan pembaharuan gaya hidup yang sihat serta dapat meningkatkan pendapatan mereka. Selain boleh hidup lebih bermakna, menjalinkan silaturahim dengan penduduk yang berlainan asal-usulnya dengan aman damai dan harmoni.
- Paling penting sekali, projek ini dapat mencungkil bakat yang terpendam di kalangan penduduk dan dapat mewujudkan rasa percaya-mempercayai, bertoleransi dan menghormati di antara satu sama lain.
- Projek ini dapat mewujudkan perpaduan kaum di kalangan penduduk KRT terutama sekali bagi penduduk muda dan dewasa.

## **8. CADANGAN**

- Memberi latihan pembangunan usahawan dalam bidang perkhidmatan seperti mewujudkan tenaga kerja yang mengumpul dan menggred hasil pertanian dan perternakan untuk jualan secara borong dan runcit.
- Mewujudkan tenaga kerja pemborong dan peruncit bagi memasarkan hasil keluaran tanaman